

Bimbing dan galakkan perniagaan kecil

# Mahathir arah tubuh unit khas

**KEMENTERIAN Perdagangan dan Perindustrian** diarah menubuhkan satu unit khusus membimbing dan menggalak bidang perniagaan dan perusahaan kecil di negara ini.

Langkah ini juga bertujuan agar bidang perniagaan dan perusahaan kecil yang ada sekarang dijalankan dengan lebih rapi, teratur, berkesan dan moden.

Demikian kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ketika merasmikan Seminar Pembangunan Industri dan Perniagaan Kecil Dalam Konteks Ekonomi Negara di sebuah hotel terkemuka di sini, hari ini.

Seminar tersebut anjuran Gabungan Ikatan dan Persatuan China Selangor serta Jawatankuasa Perhubungan MCA Wilayah Persekutuan.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, menambah terdapat juga cadangan satu lembaga berperanan seperti MIDA ditubuhkan bagi dapat menjalankan kegiatan membantu perniagaan-perniagaan dan perusahaan kecil.

Bellau memberitahu, bidang perniagaan dan perusahaan kecil di negara ini telah lama wujud dan merupakan satu bahagian yang penting dalam perkembangan ekonomi negara.

"Bagaimanapun, kebanyakan bidang perusahaan ini merupakan 'backyard industry' yang tidak tersusun dan teratur.

"Kita boleh melihat seperti kawasan perindustrian kecil di Sungai Besi di sini yang telahpun meningkat

## KUALA LUMPUR, Ahad

kemajuannya, tetapi perusahaan-perusahaan di situ tidak teratur," tegas bellau.

Timbalan Perdana Menteri berkata, industri-industri kecil itu juga belum teratur secara moden oleh kerana pengusahaannya masih dilakukan oleh orang-orang perseorangan dengan beberapa orang pekerja.

Bellau menerangkan, perhatian dan kajian perlu diadakan mengenai peluang-peluang dan perkembangan perniagaan dan perusahaan kecil itu di masa akan datang.

"Ini tidak bermakna kerajaan akan mengenakan pelbagai syarat kepada usahawan-usahawan bagi melaksanakan tujuan itu," tegasnya lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata selanjutnya, perusahaan dan perniagaan kecil tersebut perlu memenuhi

kehendak negara agar pembekal-pembekal dapat membekalkan barang-barang dengan lebih meluas, teratur, berkesan dan termoden.

Bellau berharap peniaga-peniaga kecil akan menjalankan perniagaan yang lebih besar di masa akan datang dan di samping itu, mereka juga diharap mengadakan perkongsian bersama dengan orang-orang lain agar semua pihak dapat menikmati kemajuan yang dicapai.

Pengerusi MCA Wilayah Persekutuan Encik Tan Koon Swan pula dalam ucapannya, mencadangkan kerajaan menubuhkan satu lembaga yang dipanggil Lembaga Kemajuan Perindustrian Kecil bagi membantu industri-industri kecil dengan lebih teratur lagi.

Bellau menambah, dengan adanya lembaga seperti itu akan dapat membantu mengembang dan memodenkan perniagaan dan perusahaan kecil di negara ini.



■ DR. MAHATHIR

## 320 murid NS dapat 5A dalam ujian penilaian

**SEREMBAN, Ahad** — Seramai 320 murid di Negeri Sembilan berjaya mendapat 5A dalam ujian penilaian darjah lima tahun ini berbanding dengan 117 orang tahun lalu.

Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri, Haji Mohamed Nor Long berkata hari ini dari jumlah itu hanya 95 orang dari luar bandar sementara 225 orang ialah dari kawasan bandar.

Berucap di hari ucapan dan penyampalan hadiah Sekolah Kebangsaan Ampangan bellau berkata ini menunjukkan taraf pencapaian murid-murid bandar dan luar bandar masih jauh berbeza.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia